



Buletin FPP

FAKULTI PERNIAGAAN DAN PERAKAUNAN, UNIVERSITI MALAYA

Tarikh: 15 Disember 2002, (bersamaan 10 Syawal 1423)

Bil: 5/2002

ANUGERAH PELAJAR DIRAJA

Satu Majlis Penyampaian Anugerah Pelajaran DiRaja Sesi 2001/2002 telah diadakan pada 17 Disember 2002 di Bilik Wawasan, Rumah Universiti, Universiti Malaya. Salah seorang dari dua penerima anugerah tersebut adalah graduan dari FPP. Bekas pelajar tersebut, Nur Aini Ong Maliki Ong, 23 merupakan graduan Sarjana Muda Perakaunan kelas pertama pada konvokesyen September lalu. Beliau menerima Pingat Emas Cemerlang, sijil dan wang tunai RM2,500 yang disampaikan oleh Canselor UM, Sultan Azlan Shah dalam majlis yang penuh bermakna.

Hadir sama ialah Pro Canselor, Dr Raja Nazrin Shah dan Tun Syed Zahiruddin Syed Hassan serta ahli Lembaga Pengarah Universiti, Toh Puan Aishah Ong dan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain. Selain itu, Dekan FPP juga turut sama hadir.

Nur Aini Ong, anak bongsu daripada empat beradik berasal dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau yang pernah mewakili negara dalam 'International Work Experience' dan mewakili UM bagi Kuiz Perakaunan Antara Universiti, kedua-duanya anjuran Akauntan Awam Bertauliah Australia (CPA Australia). Selain beberapa kali menerima Anugerah

Dekan, beliau juga terpilih sebagai Pelajar Terbaik dan Pelajar Contoh Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi.

Nur Aini Ong mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent, Bukit Mertajam dan SMK Methodist, Pulau Pinang.

Beliau mendapat 7A dalam Penilaian Menengah Rendah, 10A (Sijil Pelajaran Malaysia) dan 4A (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia). Beliau kini berkhidmat sebagai juruaudit di Ernst and Young, Kuala Lumpur. Tahniah kepada beliau dan juga semua sahabat FPP di atas kejayaan anak didik sahabat semua!



Nur Aini Ong Menerima anugerah dari Canselor UM, Sultan Azlan Shah

Fellowship

Permohonan untuk The Korea Foundation for Advanced Studies (KFAS) International Scholar Exchange Fellowship untuk tahun akademik 2003-2004. Permohonan ini dibuka kepada semua kakitangan akademik Universiti Malaya yang ingin menjalankan penyelidikan di Korea selama satu (1) tahun. Perbelanjaan yang diberikan adalah:

- 1) Perbelanjaan menjalankan penyelidikan
- 2) Tiket kapal terbang (pergi/balik)
- 3) Insurans perubatan


Bidang perakaunan dan pengurusan serta pentadbiran adalah antara bidang penyelidikan yang ditawarkan. Sahabat FPP digalakkan untuk merebut peluang ini. Borang permohonan boleh didapati dari Unit Hubungan Antarabangsa (UHA). Tarikh tutup penghantaran borang ke UHA adalah pada 15 Januari 2003.

UM Dianugerahkan Sijil MS ISO 9001:2000

Hasil usaha berterusan dan kerjasama semua pihak telah menyaksikan UM dianugerahkan sijil MS ISO 9001:2000. Sebelum ini, UM diberi persijilan bersyarat dan diberi peluang untuk menutup 8 ketidak akuratan (NC) dalam masa dua bulan selepas Audit Kepatuhan dibuat. Alhamdulillah, hasil kerja keras Unit QAMU dan semua pihak, kesemua NC yang telah diberi telah berjaya ditutup. Syabas kepada kita semua, terutamanya warga FPP kerana kita adalah antara pihak yang telah terlibat secara langsung dengan audit kepatuhan yang lepas.



Latest Publications



Journal

1. Mohd Yusof Omar (2002) "An empirical study on the role of key personnel in the logistics sector of the petroleum industry in Malaysia during the implementation of management systems standards" *Jurnal Produktiviti* Vol 20 (December), pp. 48-71.
2. Mohd Nazari Ismail (2002) "Foreign Capital and Sovereignty: A Comparative Study of Malaysian and South Korean Experience during the Asian Financial Crisis", *Asian Business and Management*, Vol 1, No. 3 (November), pp. 329-353.

Proceedings

1. Mohd Nazari Ismail and Jemmy Kwee (2002) "Network Characteristics and Outcomes: Case Studies Of Two Malaysian Firms", *Proceedings of Asia Academy Of Management Conference*, Bangkok, 12-14 December 2002.
1. Mohd Nazari Ismail (2002) "Foreign Direct Investment and Economic Resiliency", *Proceedings of Australia New Zealand International Business Academy Conference*, ed. William Renforth, Brisbane, pp.157-175.

Tahniah!

FPP mengucapkan tahniah kepada Sahabat **Dr. Zakiah Saleh** di atas kejayaan beliau menyempurnakan Ijazah Kedoktoran beliau di Cardiff Business School, University of Wales, United Kingdom. Tajuk tesis beliau ialah "Governmental Accounting in Malaysia". Beliau mula bertugas kembali di FPP pada 12 Disember 2002. Tahniah dan selamat kembali bertugas diucapkan.

Journal Citation Index: Accounting

Listed below are some of the journals listed in ISI master journals. It is hoped that this listing will help us in choosing the appropriate and listed journals for our future publications:

1. Accounting Organizations and Society
2. Accounting Review
3. Contemporary Accounting Research
4. Journal of Accounting and Economics
5. Journal of Accounting Research

FPP Intellectual Discourse

Satu Intellectual Discourse telah diadakan pada 22 November 2002 di Bilik Mesyuarat 1, FPP. Pembentangan dilakukan oleh Puan Wan Marhaini Wan Ahmad. Tajuk yang dibentangkan ialah "The Study of Gharar On Insurance and Takaful".

Penyertaan Dalam Seminar/ Persidangan/Kursus

Sahabat FPP yang telah menyertai pelbagai seminar dan bengkel adalah seperti berikut:

- 1) Sahabat Cyril Ponnu menyertai 1 Day Corporate workshop on Internal Control for Corporate Governance pada 16.12.2002
- 2) Sahabat Ng Kok Thye dan Sahabat A. Thillaisundaram menyertai The 27th Federation of ASEAN Economic Association Conference: Economic Globalisation: Opportunity & Challenge For ASEAN Countries pada 19.12.2002 – 23.12.2002 bertempat di Hanoi, Vietnam

Latihan Kawad Kebakaran

JK Keselamatan & Kesihatan FPP dengan kerjasama Bahagian Keselamatan UM telah mengadakan satu latihan kawad kebakaran di FPP pada 20 November 2002. Latihan yang dibuat pada pukul 3 petang tersebut berjalan lancar.

Ketika berlakunya kawad kebakaran, semua sahabat dan pelajar FPP telah diminta berkumpul di tempat letak kereta FPP bagi mereka yang berada di Blok A (Bangunan Pentadbiran) dan tempat letak kereta yang terletak di antara Blok B dan Dewan Kuliah bagi mereka yang berada di Blok B.

Beberapa kumpulan kecil telah dibentuk untuk melicinkan lagi latihan tersebut.

1. Kumpulan A - Staf Akademik yang berada selorong dengan Encik Ng Kok Thye. Fire-Marshall bagi Group A adalah Encik Ng Kok Thye.
2. Kumpulan B - Pejabat Dekan, Pejabat Am dan Bilik Rekod. Fire-Marshall bagi Group B adalah Encik Goval.
3. Kumpulan C - Pejabat Prof, Prof. Madya, Bilik Mesyuarat dan Pejabat MBA. Fire-Marshall bagi Group C adalah Encik Hafiz.
4. Kumpulan D - Staf Akademik yang berada selorong dengan Encik Ahmad Zahiruddin. Fire-Marshall bagi Group D adalah Encik Ahmad Zahiruddin.
5. Kumpulan E (Blok B) - Bilik-Bilik Seminar dan Bilik PhD. Fire-Marshall bagi kumpulan tersebut adalah Encik Zulkhairi.
6. Kumpulan F (Blok B) - Bilik-bilik Pensyarah dan Bilik-Bilik Seminar. Fire-Marshall bagi kumpulan tersebut adalah Encik Azizi.

Setelah selesai latihan kawad kebakaran tersebut, staff dan pelajar FPP dikumpulkan di DK 1 bagi sesi taklimat bersama Ketua Jawatankuasa Keselamatan FPP, Dr. Wan Sabri dan wakil dari Pihak Keselamatan UM. Terima kasih di atas semua kerjasama sahabat. Semoga latihan yang diadakan di masa akan datang akan lebih berjaya.



16 Disember 2002: Deadline for submission of final exam papers.

20 Disember 2002: FPP Research Meeting.

20 Disember 2002: Tarikh akhir penghantaran borang SSB.

25 Disember 2002: Cuti Hari Krismas

27 Disember 2002: FPP Intellectual Discourse bertempat di Bilik Mesyuarat 2, jam 10 pagi. Tajuk pembentangan ialah "Corporate Social Responsibility Reporting In Malaysia" oleh Sahabat Zarina Zakaria.

28 Disember 2002: FPP Doctoral seminar bertempat di DK 6 jam 10 pagi.

1 Januari 2003: Cuti Tahun Baru

2 Januari 2003: Jamuan Hari Raya Aidilfitri FPP bertempat di Dataran Zaaba jam 12-2 petang.

18 Januari 2003: Hari Keluarga UM.

Pengumuman

1. Mulai 18 Disember 2002, semua sahabat diminta menggunakan letter head baru FPP. Sila berurusan dengan pejabat am bagi mendapatkan letter head baru FPP ini.
2. Permohonan kenaikan pangkat dari jawatan pensyarah ke jawatan Profesor Madya bagi tahun 2003. Sahabat yang berkelayakan digalakkan memohon. Tarikh tutup permohonan ialah pada 27 Februari 2003.
3. Profesor Dr Mansor Md. Isa telah kembali dari Monash University, Australia pada 4 Disember 2002 yang lalu. Walau bagaimanapun, beliau masih dalam cuti sabatikal sehingga 15 Februari 2003.

Majlis Berbuka Puasa FPP

Majlis berbuka puasa FPP telah diadakan di Dataran MZaa'ba, Universiti Malaya. Majlis ringkas ini turut dihadiri oleh Dekan FPP, Prof. Dr. Md Nor Othman dan Timbalan Dekan FPP, Encik Mohd Sarif dan Dr. Wan Sabri Wan Husin serta 30 orang sahabat FPP yang lain. Majlis berlangsung dari jam 6.30 petang dengan ketibaan para tetamu. Majlis dimulakan dengan berbuka puasa dengan makanan ringan dahulu sebaik sahaja masuk waktu maghrib. Selepas menunaikan solat maghrib, majlis disambung semula dengan hidangan yang lebih berat. Majlis bersurai pada pukul 8 malam.

Berita Keluarga

Anak Sahabat Goval yang mendapat kemalangan bulan lepas dilaporkan semakin pulih dari kecederaannya. Menurut Encik Goval, anaknya kini sudah mampu berjalan dan menggerakkan badannya. Walau bagaimanapun dia masih tidak dapat menstabilkan diri sepenuhnya. FPP berasa gembira di atas perkembangan ini dan berdoa agar anak beliau lekas sembuh dan pulih seperti sediakala. Encik Goval turut merakamkan setinggi penghargaan kepada FPP yang memberikan sokongan padu kepada beliau dan keluarga.

Call For Papers

1. Malaysian Finance Association 5th Annual Symposium to be held on 23 - 24 April 2003 at Multimedia University, Cyberjaya. The deadline for submission of paper is **15 January 2003**
2. For further information, please visit <http://www.mmu.edu.my/~fom/mfa2003.htm>
3. The 4th Annual Conference of the Asian Academic Accounting Association to be held on October 20-21, 2003 in Seoul, Korea. The deadline for submission of papers is **15 April 2003**.
4. The Management Conference 2003 to be held on 11-14 August at the Baywatch Beach Resort, Penang. The deadline for submission of papers is **15 January 2003**. For further information, please visit www.managementconference.com/
5. International Conference on Mobile Learning (ICML) to be held on 5-7 March 2003 at Renaissance Palm Garden Hotel, Putrajaya. The deadline for submission of abstract is **15 January 2003**.
6. Emerging Financial Services In Asia-Pacific Conference to be held on 14-16 May 2003 in Sydney Australia. The deadline for submission of abstract and full paper are 31 January 2003 and 15 March 2003 respectively. For further information, please visit <http://www.uws.edu.au/collaw/finconference/index.htm>
7. **The 7th MACFEA Seminar 2003 to be held on 18 February 2003 at Grand Blue Wave Hotel, Shah Alam, Selangor. The deadline for submission of abstract and full paper are 16 December 2002 and 31 January 2003 respectively. For further information, please visit www.uitm.edu.my/seminar/macfea/**

Research News

Prof Md Nor Othman, Ong Fon Sim, Ezlika Ghazali, Dr Abdul Razak Ibrahim and Dr Yusof Omar attended a research conference on "National Competitiveness" at National Cheng Kung University (NCKU), Tainan, Taiwan on 13-14 December 2002. The research and the conference were funded by NCKU.

The research involved ten universities in ASEAN. On the first day of the conference, the presidents of the 11 universities met to discuss issues related to higher education in the region. Our Vice-Chancellor, Prof. Dato. Dr. Anuar Zaini Md. Zain, gave a speech on 'Higher Education and University Cooperation among Universities in Southeast Asia'.

On the second day, researchers from the 11 universities discussed issues related to national competitiveness and problems encountered during the first phase of the study. The second phase of the research will be conducted early next year. The research looks at five components of national competitiveness, namely technology development, economic performance, human resource, productivity, and management capability.

Hari Keluarga UM

Universiti Malaya akan mengadakan Hari Keluarga pada hari Sabtu, 18 Januari, 2003, mulai jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari di Varsiti Green, U.M. Semua warga FPP dijemput dan digalakkan untuk hadir dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan.

Pelbagai acara telah disediakan untuk semua peringkat umur. Antaranya ialah senamrobik, pertunjukan silap mata, pertandingan memancing dan sebagainya. Sesiapa yang ingin menyertai hari keluarga bolehlah mengisi borang yang telah disertakan bersama surat tersebut dan mengembalikannya bersama yuran penyertaan samada kepada Penghulu NADI FPP, Sahabat Shamsul Izwan atau mana-mana AJK Nadi, iaitu Sahabat Naufal Omar; Sahabat Zainal Musa; Sahabat Zaleha Mohd Baie; Sahabat K. Goval; Sahabat Norzihan Ramli atau Sahabat Suzie Teh pada atau sebelum 27 Disember 2002.

Untuk penyertaan dalam acara-acara sukaneka, sila isikan borang penyertaan sukaneka yang akan diedarkan dan kembalikannya kepada Penghulu NADI/AJK Penganjur sebelum 10 Januari 2003. Sebarang pertanyaan bolehlah dirujuk kepada Penghulu NADI FPP atau mana-mana AJK NADI FPP.

Memandangkan acara ini akan dijalankan secara besar-besaran, adalah diharapkan agar semua warga FPP dapat meluangkan masa pada hari tersebut untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang telah disediakan bagi meningkatkan lagi semangat kekitaan di kalangan warga UM.

Sesiapa yang ingin memberi sumbangan / derma untuk Hari Keluarga boleh memberi sumbangan anda dalam bentuk wang (disarankan bernilai >\$500) atau barangan, sebelum 10 Januari 2003. Sumbangan berbentuk wang boleh dihantar menerusi Penghulu NADI, sebagai wakil untuk NADI Pusat manakala sumbangan berbentuk barangan boleh disalurkan untuk *Jumble Sale* sempena Hari Keluarga UM. Sila hantarkan barangan tersebut ke Bilik Sekretariat UWA, Tingkat 1, Rumah Universiti, UM di masa berikut:

Sabtu, 28 Disember 2002 : Lepas pukul 2 petang.

Jumaat, 10 Januari 2003 : 10 pagi hingga 2 petang.

Sila hubungi saadah@um.edu.my atau edzan@um.edu.my untuk maklumat selanjutnya

Research Grant

The ASEAN-EU University Network Programme aims to enhance co-operation between higher education institutions in European Union Member States and ASEAN countries, to promote regional integration within ASEAN countries, and to strengthen the mutual awareness of European and ASEAN cultural perspectives. It comprises the following three components for which grant support may be offered:

- Common Applied Research
- Human Resource Development
- Curriculum Development

Applications will be considered for

funding if submitted by a grouping of at least four partners comprising at least two partners from different EU Member States and at least two partners from different eligible ASEAN countries (signatories to the EC ASEAN Co-operation Agreement): Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Philippines, Singapore, Thailand, Vietnam.

The deadline for submission of proposal is on 13 February 2003. For further information about the ASEAN-EU University Network Programme, including guidelines for applicants and application forms, is available from European Aid at the following website address: http://europea.eu.int/comm/europeaid/projects/aunp/index_en.htm

Mengenali Staf

Sahabat FPP yang akan diutarakan dalam edisi bulan ini ialah Puan Suzie Teh. Beliau mula berkhidmat di Universiti Malaya 30 tahun yang lalu. Sebelum ditempatkan di FPP, beliau pernah bertugas di Pejabat Bendahari selama 25 tahun dan Fakulti Bahasa dan Linguistik selama 3 ½ tahun.

Bidang tugas Puan Suzie di FPP adalah semua perkara yang berkaitan dengan peperiksaan pelajar. Beliau juga turut membantu semasa pendaftaran pelajar dan mengemaskinikan rekod pelajar. Beliau juga turut membantu pensyarah sekiranya mereka mempunyai sebarang masalah berkaitan dengan peperiksaan.

Sahabat Baru FPP

FPP akan menerima seorang sahabat baru, iaitu Sahabat Zurina Shaik Osman Merican yang akan mula bertugas pada 23 Disember 2002 selaku Penolong Pendaftar. Beliau pernah bertugas sebagai penolong pendaftar di Fakulti Pergigian. Selamat datang ke FPP diucapkan kepada beliau.

Sidang Pengarang

Penasihat

Prof Dr Md Nor Othman

Ketua Editor

Mohd Zulkhairi Mustapha

Ahli Jawatankuasa

Dr. Wan Sabri Wan Hussin

Mohd Sarif Ibrahim

Mohd Naufal Omar

Hasniza Mohamad Hasan

Abdul Razak Halifa

Sebarang komen atau cadangan sila hantarkan kepada email zulkhairi@um.edu.my

Merry Christmas and Happy New Year!